A **SAYED OMEID**

**lwn.**

**PP**

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
GHAZALI CHA H
[SEMAKAN RAYUAN BIL: 43-1-2011]
9 FEBRUARI 2011

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Ekstradisi - Perintah ekstradisi - Permohonan semakan perintah esktradisi yang diberikan Mahkamah Sesyen - Sama ada perintah ekstradisi diberikan tanpa pertimbangan keesahan pertuduhan yang dikenakan - Akta Ekstradisi 1992, ss. 18 & 20*

D ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Bidangkuasa - Mahkamah Sesyen - Perintah ekstradisi - Sama ada Mahkamah Sesyen mempunyai bidangkuasa memutuskan keesahan pertuduhan sebelum memberikan perintah ekstradisi - Akta Ekstradisi 1992, ss. 18 & 20*

E ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Pertuduhan - Perintah ekstradisi - Sama ada keesahan pertuduhan perlu dipertimbangkan sebelum perintah ekstradisi diberikan - Sama ada pertuduhan menepati kehendak s. 153 Kanun Tatacara Jenayah*

F Ini adalah permohonan di bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') untuk menyemak keputusan hakim Mahkamah Sesyen mengenai isu pertuduhan pemohon yang telah dikenakan terhadapnya oleh kerajaan Australia dalam permintaan ekstradisi. Pemohon telah dituduh di dalam kegiatan penyeludupan manusia
G ke negara Australia. Menurut pemohon, Mahkamah Sesyen telah gagal mempertimbangkan fakta bahawa pertuduhan yang telah dikenakan terhadapnya oleh kerajaan Australia adalah cacat kerana tidak mematuhi kehendak-kehendak di bawah s. 153(1) KTJ. Pihak responden pula telah berhujah bahawa isu pertuduhan tidak timbul
H di sini kerana berdasarkan s. 20 Akta Ekstradisi 1992, Mahkamah Sesyen hanya perlu merujuk kepada "requirement" bahawa satu waran tangkap yang sah dan satu kenyataan bertulis yang menyatakan diskripsi kesalahan dan hukuman kepada kesalahan itu mengenai seseorang "fugitive criminal" disampaikan untuk tujuan
I ekstradisi ke negara yang memintanya. Ia juga ditegaskan oleh pihak responden bahawa Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur

bukannya forum untuk menentukan keesahan pertuduhan yang mana hanya akan diputuskan oleh mahkamah di negara yang memintanya. Isu yang perlu dipertimbangkan di sini adalah sama ada Mahkamah Sesyen mempunyai bidangkuasa untuk memutuskan persoalan berkenaan pertuduhan yang bakal akan dihadapi oleh pemohon di negara Australia.

**Diputuskan (membenarkan permohonan):**

**(1)** Hakim Mahkamah Sesyen sepatutnya telah menimbangkan kes ini mengikut undang-undang di Malaysia dan pada tahap *prima facie* sebelum satu perintah ekstradisi diberikan. Mahkamah Sesyen juga mempunyai kuasa untuk menentukan kesahihan pertuduhan-pertuduhan yang dikemukakan di mana pertuduhan di sini jelas mempunyai kekurangan dari segi butiran-butiran khusus dan penting yang sepatutnya ada di dalamnya KTJ, s. 153(1)). Kekurangan butiran-butiran tersebut menunjukkan bahawa pihak berkuasa Australia tidak dapat memastikan dengan tepat sama ada "fugitive criminal" terlibat di dalam kegiatan penyeludupan manusia ke negara itu atau pun tidak. (perenggan 16, 17, 19 & 20)

*[Pemohon dibebaskan dan hendaklah dihantar pulang ke negara asalnya.]*

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Chua Han Mow v. Superintendent of Pudu Prison [1978] 1 LNS 34 HC* ***(dirujuk)***

*PP v. Lin Chien Pang aka "Teacher Lin" "Saenwoo Asue" [1993] 2 CLJ 225 HC* ***(dirujuk)***

*PP v. Ottavio Quattrocchi [2003] 1 CLJ 557 HC* ***(dirujuk)***

*PP v. Tan Sri Kasitah Gaddam [2009] 1 LNS 741 HC* ***(dirujuk)***

*PP v. Uthaya Kumar Ponnusamy & Ors [2011] 1 CLJ 360 HC* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Courts of Judicature Act 1964, s. 35
Criminal Procedure Code, ss. 153(1), 323
Extradition Act 1992, ss. 18, 20(1)(c)

*Bagi pemohon - Karpal Singh; T/n Karpal Singh & Co*
*Bagi responden - Kamal Bharin Omar (Najib Zakaria bersamanya) TPR*

*Dilaporkan oleh Kumitha Abdul Majid*

A

## PENGHAKIMAN

**Ghazali Cha H:**

**[1]** Ini adalah satu permohonan semakan di bawah s. 323 Kanun Acara Jenayah (KAJ) oleh pemohon terhadap perintah yang B dikeluarkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen, di Mahkamah Sesyen No. 5 Kuala Lumpur, melalui kes Tangkap No. 64-78-2010.

**[2]** Terdapat dua bantahan awal yang dikemukakan oleh peguambela pemohon semasa perbicaraan di mahkamah sesyen C Kuala Lumpur iaitu:

(a) Mengenai "supporting documents" yang dikemukakan bersama-sama permohonan ekstradisi tersebut bukanlah dokumen asal.

D (b) Mengenai pertuduhan yang akan dikenakan terhadap pemohon di Australia adalah pertuduhan yang cacat di bawah s. 153 KAJ.

**[3]** HMS telah menolak kedua-dua bantahan awal tersebut atas alasan-alasan yang beliau berikan seperti berikut:

E

(a) Bahawa dokumen-dokumen yang dikemukakan bagi menyokong permohonan ekstradisi tersebut adalah menepati kehendak-kehendak Perkara 4(1) dan 3(1) Treaty di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia mengenai Ekstradisi (Jadual) di F dalam Extradition Act 1992.

(b) Mengenai bantahan awal kedua HMS menulis berikut; "Berkenaan dengan tuduhan yang mengatakan "... In Indonesia and elsewhere" saya berpendapat isu ini tidak patut ditimbulkan di mahkamah ini dan mahkamah ini bukanlah forum G yang sesuai untuk memutuskan perkara tersebut. Ia perlu diputuskan di negara yang berkenaan".

**[4]** Melalui permohonan semakan ini, pemohon hanya memohon Mahkamah Tinggi untuk menggunakan kuasa semakan yang ada H kepadanya untuk menyemak ruling mengenai isu pertuduhan sahaja iaitu sama ada Mahkamah Sesyen di dalam menjalankan bidang kuasa di bawah s. 18 Akta Ekstradisi 1992 (Akta 479) boleh memutuskan mengenai pertuduhan yang dikenakan terhadap pemohon oleh Kerajaan Australia dalam permintaan ekstradisi yang I dikatakan cacat di bawah s. 153 KAJ di negara ini.

**[5]** Di dalam hujah pada tarikh dahulu (24 Januari 2011) pihak responden tidak mempertikaikan isu undang-undang mengenai kuasa semakan yang diberikan kepada Mahkamah Tinggi melalui s. 35 Courts of Judicature Act dan s. 323 di dalam Chapter XXXI KAJ, maka isu ini dipersetujui.

**[6]** Terdapat tiga pertuduhan yang dikemukakan terhadap pemohon, yang mana pengataan-pengataan fakta adalah sama kecuali tarikh yang berbeza. Di sini diperturunkan pertuduhan pertama yang berbunyi berikut:

> Between 1st January, 2001 and 25th March, 2001 **in Indonesia and elsewhere,** Syed Omeid organized the bringing to Australia of **a group of 5 or more people to** whom sub-section 42(1) of the Migration Act, 1958 (Cth) applied, and did so reckless as to whether the people had a lawful right to come to Australia, contrary to section 232A of the Migration Act, 1958 (Cth).

**[7]** Melalui hujah Encik Karpal Singh bagi pihak pemohon beliau berkata antara lainnya:

(a) Mahkamah Sesyen sepatutnya menimbangkan pertuduhan-pertuduhan di atas kerana tidak mematuhi kehendak-kehendak s. 153(1) Criminal Procedure Code (CPC).

(b) Keputusan kes *PP v. Ottavio Quattrocchi* [2003] 1 MLJ 225, *Chua Han Mow v. Superintendent of Pudu Prison* [1978] 1 LNS 34 dan kes *PP v. Lin Chien Pang aka "Teacher Lin" "Saenwoo Asue"* [1993] 2 CLJ 225 perlulah diambil pakai oleh Mahkamah Sesyen kerana keputusan-keputusan di dalam kes-kes tersebut mengikat Mahkamah Sesyen berkenaan dari segi beban pembuktian di Malaysia.

(c) Beban pembuktian adalah di atas pihak pendakwaan bagi membuktikan satu kes *prima facie* setelah menimbangkan keterangan pihak pendakwaan, pada tahap "maximum evaluation" seperti diputuskan di dalam kes *PP v. Tan Sri Kasitah Gaddam* [2009] 1 LNS 741; [2009] 6 MLJ 494.

(d) Mahkamah Sesyen adalah mempunyai bidang kuasa dan merupakan forum yang terbaik bagi memutuskan bahawa pertuduhan terhadap pemohon adalah kabur dan memprejudiskan pemohon.

**[8]** TPR yang bijaksana pula telah menghujahkan atas isu ini bahawa isu pertuduhan tidak timbul, kerana menurut s. 20 Akta 479, Mahkamah Sesyen hanya perlu merujuk kepada 'requirement' bahawa satu waran tangkap yang sah (duly authenticated warrant of arrest) dan satu kenyataan bertulis yang mengatakan diskripsi kesalahan dan hukuman kepada kesalahan itu dan sebagainya mengenai seseorang "fugitive criminal" disampaikan untuk tujuan ekstradisi ke negara yang memintanya.

**[9]** Seterusnya beliau berhujah bahawa Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur bukanlah forum untuk menentukan keesahan pertuduhan; yang mana hanya akan diputuskan oleh mahkamah di negara yang memintanya lagi pun pertuduhan-pertuduhan itu dikemukakan untuk satu permohonan ekstradisi sahaja bukannya untuk pertuduhan jenayah biasa.

**[10]** Tegas TPR lagi, pertuduhan yang dibuat secara umum adalah memadai untuk memberikan notis kepada seseorang "fugitive criminal" mengenai apakah pertuduhan itu tidak mungkin ianya akan mengelirukan penjenayah yang diburu tersebut.

## Penemuan Oleh Mahkamah

**[11]** Setelah meneliti nota-nota presiding yang dikemukakan, dan hujah-hujah oleh kedua-dua pihak saya bersetuju bahawa hanya terdapat satu isu sahaja untuk diputuskan di sini, iaitu sama ada Mahkamah Sesyen di Malaysia mempunyai bidangkuasa untuk memutuskan persoalan berkenaan dengan pertuduhan yang bakal akan dihadapi oleh pemohon di negara Australia itu nanti?

**[12]** Melihat kepada pertuduhan yang dikemukakan oleh Kerajaan Australia, saya bersetuju dengan peguambela bahawa jelas pertuduhan tersebut adalah terlalu umum di mana ia menyebutkan "... In Indonesia and elsewhere" dan "a group of 5 or more people", persoalannya di manakah "elsewhere" tersebut? dan lima orang tersebut siapakah mereka? "or more people", berapakah jumlahnya? Jelas pertuduhan itu tidak mematuhi peruntukan s. 153(1) KAJ yang berbunyi:

> The charge shall contain such particulars as to the time, place of the alleged offence and person, if any, against whom or the thing if any, in respect of which it was committed as are reasonably sufficient to give the accused notice of the matter with which he is charged.

**[13]** Sebagaimana menjadi undang-undang yang mantap bahawa tujuan sesuatu pertuduhan itu dikemukakan adalah untuk memberikan "earliest legal notice" kepada tertuduh, di dalam kes ini pemohon, mengenai perlakuannya yang dikatakan menjadi kesalahan dan bertentangan dengan undang-undang di mana ianya dipertuduhkan. Rujuk kepada kes *PP v. Uthaya Kumar Ponnusamy & Ors* [2011] 1 CLJ 360.

**[14]** Tujuan pemakluman pertuduhan pula kepada tertuduh supaya beliau boleh bersedia dengan pembelaannya untuk berhadapan dengan pertuduhan itu di mahkamah semasa perbicaraan, seterusnya bagi mengelakkan satu pembelaan yang disifatkan sebagai "afterthought defence".

**[15]** Berbalik kepada permohonan pemohon ini, saya merujuk kepada s. 20(1)(c) yang berbunyi berikut:

> S. 20(1) where a direction has been given by the Minister under section 4 the Sessions Court shall:
>
> (c) upon being satisfied that the alleged act or omission of the fugitive criminal would, if it had taken place in Malaysia, constitute an offence under the laws of Malaysia.

**[16]** Apakah kehendak undang-undang di Malaysia? Undang-undang di Malaysia mengenai prosedur jenayah adalah Kanun Acara Jenayah, yang mana melalui s. 153(1) di atas dengan jelasnya memperuntukkan bagaimanakah cara untuk menyediakan satu pertuduhan yang efektif terhadap pesalah/tertuduh.

**[17]** Saya merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Chua Han Mow v. Superintendent of Pudu Prison* [1978] 1 LNS 34; [1979] 2 MLJ 70 dan kes *PP v. Lin Chien Pang aka "A Teacher Lin" "Saenwoo Asue"* [1993] 2 CLJ 225 di atas, yang mana dengan jelasnya menetapkan tahap pembuktian di dalam kes ekstradisi adalah "*prima facie* case", maka HMS sepatutnyalah menimbangkan kes mengikut undang-undang di Malaysia dan pada tahap *prima facie* sebelum satu perintah ekstradisi diberikan; termasuklah pertuduhan yang dikenakan terhadap pemohon.

**[18]** Melalui kes *PP v. Ottavio Quattrocchi* (di atas) YA Augustine Paul J (pada masa berkenaan) dengan jelasnya memutuskan bahawa:

A (a) An order of discharge may be made at any stage of the proceedings if the charge is found to be groundless. Therefore, an issue as to jurisdiction or any other matter that would render an extradition inquiry groundless could be raised as a preliminary issue. (Held No. 3).

B Perkara ini telah pun ditimbulkan oleh peguam pemohon apabila beliau telah membangkitkan bantahan awal beliau di hadapan HMS, iaitu pertuduhan yang dikemukakan terhadap pemohon adalah kabur dan terlalu luas dan umum.

C (b) Seterusnya YA Hakim yang bijaksana telah memutuskan berikut:

> In accordance with the principle enunciated in *In re Ismail* [1968] 3 WL 495, it is only when the Magistrate takes
> D cognizance of an offence by the issue of a summons or warrant of arrest can it be said that the prosecution of a person has commenced in order to describe him as an "accused" person. Therefore, sufficient material must be placed before the court at the commencement of the extradition inquiry to show, *inter alia*, that the fugitive
> E criminal was an accused person within the meaning of the Act. If he is not, there can be no extradition proceeding against him. (Held No. 4).

di dalam kes ini walaupun pertuduhan ada dikemukakan, akan
F tetapi pertuduhan itu "on the face of it" adalah cacat dan gagal mematuhi peruntukan s. 153(1) KAJ. Oleh itu jelas memberi kesan kepada "extradition inquiry" itu sendiri.

(c) YA di ms 241 dan 242 berkata lagi:

G
> The Court must also be furnished with a copy of the charge ... It was also essential that a charge in accordance with the law of the requesting country be furnished and if it cannot be done so, for whatever reason, at least a statement of the particulars of the offence must be supplied.
> H Where there was a statutory requirement for a charge to be formulated in a certain manner then it must be presented as required. Where there was no stipulation there can be no objection to a charge being presented in an informal manner provided that it contained the necessary particulars. (Held No. 6).

I

Jelas YA Hakim menegaskan bahawa pertuduhan yang perlu dikemukakan hendaklah mengandungi butiran-butiran yang cukup dan jelas.

**[19]** Di dalam kes ini, sepertimana dinyatakan di atas walaupun pertuduhan-pertuduhan dikemukakan terhadap pemohon, tetapi jelas ia kekurangan dari segi butiran-butiran khusus dan penting yang sepatutnya ada di dalam pertuduhan tersebut. Kekurangan butiran-butiran tersebut menunjukkan bahawa pihak berkuasa Australia tidak dapat mempastikan dengan tepat sama ada "fugitive criminal" ada terlibat di dalam kegiatan penyeludupan manusia ke negara itu atau pun tidak.

**[20]** Seterusnya saya berpendapat bahawa Mahkamah Sesyen di Malaysia memang mempunyai kuasa untuk menentukan kesahihan pertuduhan-pertuduhan yang telah dikemukakan terhadap pemohon di dalam kes ini, ini berdasarkan kepada kes-kes yang telah diputuskan di atas.

**[21]** Di akhir sekali saya membenarkan permohonan semakan oleh pemohon ini, dan perbicaraan/extradition inquiry tidak perlu diteruskan di Mahkamah Sesyen atas alasan-alasan itu.

**[22]** Pemohon dengan ini diperintahkan dibebaskan daripada tahanan, dan seterusnya pemohon hendaklah dihantar pulang (deported) ke negara asalnya secepat mungkin.